

'Hakim kes saman malu Mirzan buat silap'

BH 13 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Mahkamah Rayuan hari ini diberitahu, hakim perbicaraan kes saman malu Mirzan Mahathir terhadap Star Papyrus Printing Sdn Bhd membuat kesilapan apabila memutuskan perkataan yang diterbitkan syarikat percetakan itu memfitnah anak Perdana Menteri.

Peguam bela Star Papyrus (defendan), Robert Lazar berkata hakim perbicaraan tidak boleh membuat keputusan bahawa perkataan itu memfitnah Mirzan atau sebaliknya, kerana kes itu belum lagi dibicarakan.

Katanya, jika hakim itu sudah menetapkan pendiriannya, kes berkenaan tidak perlu dibicarakan untuk memutuskan sama ada perkataan itu mengandungi fitnah atau tidak.

Beliau yang mengemukakan hujah bagi merayu keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Dr Kamalanathan Ratnam pada 7 Mac lalu yang menolak rayuan defendan untuk mengetepikan keputusan penolong kanan pendaftar.

Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Gopal Sri Ram mendengar rayuan itu bersama Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Datuk Haidar Mohd Noor.

Penolong Kanan Pendaftar pada 13 Ogos tahun lalu memerintahkan defendan menyediakan butiran lanjut kandungan artikel yang didakwa memfitnah Mirzan yang disiarkan oleh *The Asian Wall Street Journal* (AWSJ).

Perintah juga dikeluarkan terhadap defendan supaya memberi butiran itu dalam tempoh 14 hari dan jika gagal, pernyataan pembelaan defendan akan dibatalkan.

Mirzan mengemukakan saman malu terhadap defendan dan menuntut ganti rugi sebanyak RM 150 juta.

Dalam pernyataan tuntutan, Mirzan mendakwa artikel itu memfitnahnya dengan membawa maksud beliau membina empayar perniagaannya bukan atas kemampuannya tetapi mendapat faedah daripada keistimewaan, nepotism dan pilih kasih.

Sehubungan itu, katanya, perasaan dan nama baiknya dalam bidang perniagaan terjejas serta tercemar.

Menurutnya, artikel itu memberi gambaran beliau menjalankan perniagaan secara cuai, tetapi selamat kerana menyalahgunakan kedudukannya sebagai anak Perdana Menteri serta diselamatkan oleh kerajaan atas pengaruh bapanya.

Dalam pernyataan pembelaannya, defendan menafikan artikel yang disiarkan akhbar Papyrus, anak syarikat Star Publications (M) Bhd mencetak AWSJ edisi Kuala Lumpur, sehubungan itu akan membatalkan saman berkenaan jika Mirzan ingin meneruskan tuntutan ke atas syarikat itu.

AWSJ dalam keluaran 4 Januari 1999 menyiarkan artikel bertajuk: *Mahathir's eldest son limits ambitions* (Cita-cita terhadap anak sulung Mahathir) yang ditulis oleh G Bruce Knecht.

Star Papyrus mendakwa syarikat itu menyediakan sebuah bilik bagi menempatkan peralatan milik Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc. untuk menerima negatif cetakan isi kandungan AWSJ daripada Dow Jones Hong Kong menerusi isyarat elektronik.

Defendan mendakwa, pihaknya juga menyediakan kakitangan untuk mengendalikan peralatan; kertas bagi mencetak berita; pembuatan plet dan pembungkusan akhbar AWSJ.

Sehubungan itu, defendan menafikan ia menerbit dan memberi kuasa bagi penerbitan akhbar berkenaan.